

PERATURAN PENGGUNAAN & PEMINJAMAN
BAHAN PINJAMAN TERHAD (KATEGORI A): KOLEKSI KHAS

1. Bahan Pinjaman Terhad (Kategori A): Koleksi Khas boleh dipinjam dan digunakan di Bilik Pinjaman Terhad, Aras 1, Perpustakaan Imam Al-Syafi'i, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sahaja.
2. Bahan ini tidak boleh dipinjam dan dibawa keluar dari Bilik Pinjaman Terhad kecuali dengan izin Pegawai sahaja.
3. Penggunaan dan peminjaman bahan ini adalah mengikut waktu operasi perpustakaan.
4. Pengguna hanya dibenarkan meminjam tidak lebih daripada tiga (3) naskhah bahan sahaja dalam satu masa.
5. Sebarang bentuk fotokopi dan pengeluaran semula dokumen melibatkan bahan-bahan tersebut adalah tertakluk di bawah Akta Hakcipta 1987.

TATACARA PERMOHONAN PEMINJAMAN
BAHAN PINJAMAN TERHAD (KATEGORI A): KOLEKSI KHAS

1. Penggunaan dan peminjaman Bahan Pinjaman Terhad (Kategori A): Koleksi Khas adalah **WAJIB** melalui borang permohonan **KUIS-LBRY/BPP/PPBKK/2020**.
2. Tanggungjawab pemohon :
 - a) Lengkapkan maklumat diri pemohon.
 - b) Salin judul bahan beserta nama pengarang (sila rujuk **LAMPIRAN A – SENARAI BAHAN PINJAMAN TERHAD (KATEGORI A) : KOLEKSI KHAS** di EKCMS PORTAL).
 - c) Dapatkan cap pengesahan berserta tandatangan daripada Pensyarah/ Ketua Jabatan / Dekan/ Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing selepas tandatangan borang.
 - d) Serahkan borang permohonan tersebut ke kaunter Bilik Pinjaman Terhad di Aras 1 Perpustakaan atau melalui talian fax yang tertera pada borang.
 - e) Dapatkan bahan yang dipohon dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas tarikh kelulusan.
3. Tanggungjawab pihak Perpustakaan Imam Al-Syafi'i :
 - a) Pertimbangkan kelulusan permohonan.
 - b) Maklumkan kepada pemohon status permohonan tersebut.
 - c) Serah bahan kepada pemohon dalam tempoh yang ditetapkan.
 - d) Failkan borang permohonan tersebut untuk rujukan akan datang.
4. Borang permohonan ini boleh dimuat turun dari laman sesawang Perpustakaan Imam Al-Syafi'i di www.library.kuis.edu.my.